

NO. SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bercadang untuk menambah bilangan badan pensijilan halal dari luar negara yang diiktiraf terutama dari negara Jepun.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf adalah institusi yang diiktiraf dan dilantik oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan status halal untuk

bahan mentah, produk makanan, bahan ramuan kritikal, daging dan juga produk berasaskan haiwan yang akan diimport ke Malaysia. Sistem pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara telah dilaksanakan oleh JAKIM sejak tahun 1980-an apabila Kerajaan menetapkan dasar mewajibkan produk daging dan produk berasaskan daging yang diimport dari luar negara mestilah disahkan halal.

Pada masa ini, JAKIM telah mengiktiraf sebanyak 54 Badan Pensijilan Halal yang meliputi 32 buah negara di seluruh dunia. Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya adalah Badan Pensijilan Halal dari negara Jepun. Keputusan penambahan pengiktirafan Badan Pensijilan Halal yang baru akan mengambil kira keperluan semasa dari segi kapasiti, keupayaan dan kepakaran badan tersebut yang boleh memenuhi standard dan piawaian Malaysia. Selain itu, turut menjadi pertimbangan jika terdapat keperluan yang berkait langsung dengan aktiviti import eksport produk halal antara kedua-dua buah negara. Maklumat lanjut bentuk logo dan badan-badan pensijilan halal yang diiktiraf boleh dirujuk di laman sesawang - www.halal.gov.my.

Sekian, terima kasih.